

UPHA B6 10 TABLET

Risalah Maklumat Ubat untuk Pengguna (RiMUP)

Pyridoxine Hydrochloride (10mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Upha B6 10 Tablet
2. Bagaimana Upha B6 10 Tablet berfungsi
3. Sebelum menggunakan Upha B6 10 Tablet
4. Cara menggunakan Upha B6 10 Tablet
5. Semasa menggunakan Upha B6 10 Tablet
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Upha B6 10 Tablet
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Upha B6 10 Tablet

Upha B6 10 Tablet digunakan untuk:

- merawat paras Vitamin B6 yang rendah di dalam badan.
- merawat saraf-saraf yang rosak yang disebabkan oleh pengambilan isoniazid (ubat untuk batuk kering)
- *idiopathic sideroblastic anemia* (penyakit darah)

Bagaimana Upha B6 Tablet berfungsi

Upha B6 mengandungi Pyridoxine. Pyridoxine diperlukan dalam badan kita untuk membolehkan gula, lemak dan protein dalam badan kita berfungsi dengan baik.

Ia juga diperlukan untuk perkembangan dan tumbesaran otak, saraf, kulit dan bahagian badan yang lain.

Sebelum menggunakan Upha B6 Tablet

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan mengambil ubat ini selepas tarikh luput yang tertera pada pek atau jika pembungkusan koyak atau terdapat tanda dibuka.

Jika anda tidak pasti sama ada anda patut mula mengambil ubat ini, sila tanya doktor atau ahli farmasi anda.

Mengandung dan menyusukan anak

Jangan ambil Upha B6 Tablet jika anda mengandung, sedang merancang untuk mengandung atau mungkin mengandung. Jangan ambil Upha B6 Tablet jika anda sedang menyusukan anak. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

- Sebelum menggunakan Upha B6 Tablet

Jangan mengambil Upha B6 Tablet dan beritahu doktor anda jika:

- Anda alah terhadap pyridoxine hydrochloride atau sebarang bahan lain di dalam persediaan ubat ini.

Jangan mengambil persediaan ubat ini jika anda mengalami mana-mana dari senarai di atas, berbincanglah dengan doktor atau ahli farmasi anda sebelum mula mengambilnya.

- Jika ambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Sesetengah ubat dan Upha B6 Tablet boleh bertindak balas satu sama lain. Anda mungkin perlu mengambil ubat anda dalam jumlah yang berlainan atau anda mungkin perlu mengambil ubat yang berlainan.

Doktor dan ahli farmasi anda mempunyai lebih banyak maklumat tentang ubat lain yang perlu diberi perhatian atau dielakkan semasa anda mengambil Upha B6 Tablet .

Cara menggunakan Upha B6 Tablet

- Berapa banyak harus digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

- *Neuritis* dan kekurangan Vitamin B6: 20mg - 50mg tiga kali sehari

- Mencegah *Peripheral Neuritis* yang disebabkan oleh *isoniazid*: 10mg - 50mg setiap hari
- Anemia sideroblastik idiopati: 100mg - 400mg setiap hari dalam dos yang dibahagikan

- Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

- Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini. Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa menggunakan Upha B6 Tablet

- Pekara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor. Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Upha B6 Tablet.

- Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berkongsi Upha B6 Tablet dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Memandu dan menggunakan jentera

Ubat ini mungkin mengganggu keupayaan anda untuk memandu atau mengendalikan jentera, Jika ubat ini menyebabkan anda terasa loya, pening, letih, atau sakit kepala, jangan memandu atau mengendalikan jentera dan hubungi doktor anda dengan segera.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Upha B6 Tablet boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Jika kesannya semakin teruk atau anda mendapat kesan-kesan selain daripada senarai ini, minta nasihat dari doktor atau ahli farmasi anda.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web npra.moh.gov.my (Public → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)).

Cara penyimpanan dan pelupusan Upha B6 Tablet

- Penyimpanan

Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak. Simpan di tempat kering suhu dibawah 30°C. Lindungi daripada cahaya.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Tablet Upha B6 boleh didapati di dalam bentuk bulat rata berdiameter 8mm, berwarna putih hingga putih kekuningan dan mempunyai garisan skor.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif:
Pyridoxine hydrochloride 10mg.
- Bahan tidak aktif:
 - Lactose Monohydrate
 - Microcrystalline Cellulose
 - Magnesium Stearate
 - Croscarmellose Sodium

- Nombor MAL

MAL 19912665XZ

Pengilang

Upha Pharmaceutical Mfg. (M) Sdn Bhd (53667-M)
Lot 2&4, Jalan P/7, Section 13,
Bangi Industrial Estate,
43650 Bandar Baru Bangi,
Selangor Darul Ehsan

Pemegang Pendaftaran Produk

Upha Pharmaceutical Mfg. (M) Sdn Bhd (53667-M)
Lot 2&4, Jalan P/7, Section 13,
Bangi Industrial Estate,
43650 Selangor Darul Ehsan

Tarikh kemaskini RiMUP

20/03/2018

Nombor siri

NPRA(R4/1)061017/00266